TATACARA PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP) DI BAWAH SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR) KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

1. TUJUAN

1.1 Tatacara ini bertujuan menerangkan dasar dan kaedah pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) sebagai panduan kepada Agensi Penyelaras, Agensi Pelaksana dan Agensi Pembayar yang dilantik oleh Kementerian.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) merupakan salah satu program yang telah dirangka selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

2.2 Program ini telah dilaksanakan bermula Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) sehingga RMKe-12 di bawah SPKR oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

2.3 Objektif pelaksanaan PPP adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40) di luar bandar melalui penglibatan mereka dalam projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan taraf dan kualiti hidup mereka secara umumnya.

3. KUMPULAN SASAR

3.1 Kumpulan sasar bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40). Kumpulan Sasar layak menerima bantuan PPP apabila memenuhi **salah satu kriteria berikut**:

(i) Disahkan sebagai Miskin Tegar dan Miskin serta berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional(e-Kasih); atau

(ii) Pengesahan taraf pemastautin dan taraf pendapatan melalui Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kampung (JPKK)/ Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kampung Persekutuan (JPKKP)/ Penghulu/ Ketua Anak Negeri (Sabah dan Sarawak)/ Pegawai Gred A di Agensi Kerajaan; atau

(iii) Bagi kes-kes tertentu yang memerlukan pengecualian daripada kriteria di atas hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan daripada KKDW.

3.2 Pemohon juga tidak pernah menerima sebarang bantuan/ program/ projek ekonomi yang lain di bawah PPP dalam tempoh 2 Tahun.

3.3 Keutamaan akan diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR), Ibu Tunggal (IT) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada keluarga Miskin Tegar dan Miskin yang **produktif**, **penerima SPKR** dan **berumur 18 tahun dan ke atas**, berminat dan berazam kuat untuk menjalankan projek yang dimohon serta:

(i) Mempunyai pengalaman/ kemahiran/ pernah mengikuti latihan/ kursus berkaitan dengan projek; atau

(ii) Mempunyai sumber pendapatan melalui projek/perniagaan yang sedang diusahakan dan berpotensi untuk dikembangkan serta ditingkatkan pendapatan; atau;

(iii) Pernah mengikuti/ mendapat program di bawah SPKR Kementerian; atau

(iv) Menjaga/ mempunyai anggota keluarga golongan istimewa/ anak yatim piatu/ orang tua/ ahli isi rumah yang uzur/ memerlukan bantuan perubatan dengan kos yang tinggi; atau

(v) Tidak pernah menerima sebarang bantuan/ program/ projek ekonomi selain SPKR.

3.4 **Pemohon PPP** perlu terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi yang ingin dimohon seperti berikut:

(i) Dalam pelaksanaan projek; atau/ dan;

(ii) Dalam merancang dan membuat keputusan terhadap halatuju projek; atau/ dan;

(iii) Sebagai penerima upah/ gaji pelaksanaan projek; atau/ dan;

(iv) Sebagai pemilik aset/ premis/ peralatan/ mesin bantuan yang diberikan;atau/dan

(v) Dalam perusahaan sekurang-kurangnya 3 bulan dan berpengalaman dalam bidang yang dimohon.

4. SKOP DAN KADAR BANTUAN

4.1 Projek-projek ekonomi PPP memberi tumpuan kepada **empat (4) skop utama** berikut:

BIL	SKOP	PENERANGAN SKOP AKTIVITI
1.	Projek Ekonomi Berasaskan **Aktiviti Perkhidmatan**	Projek-projek ekonomi yang memberikan perkhidmatan yang memerlukan daya kemahiran sebagai aktiviti utama projek seperti perkhidmatan jahitan, gunting rambut dan lain-lain
2.	Projek Ekonomi Berasaskan **Perniagaan Secara Kecil-Kecilan**	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penjualan produk seperti makanan/ minuman dan barangan sebagai aktiviti utama projek

BIL	SKOP	PENERANGAN SKOP AKTIVITI
3.	Projek Ekonomi Berasaskan **Perusahaan Sumber Asas Tani/ Perikanan/ Penternakan**	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penghasilan produk/ memproses bahan-bahan mentah pertanian sebagai aktiviti utama projek
4.	Projek Ekonomi Berasaskan **Aktiviti Pertanian/**Perikanan/ Penternakan	Projek-projek yang meliputi aktiviti tanaman(sayur-sayuran/buah-buahan, dan lain-lain), ternakan (lembu/ayam/kambing, dan lain-lain) dan perikanan (peralatan menangkap ikan/ternakan ikan dalam sangkar, dan lain-lain)

4.2 Kadar bantuan bagi seorang peserta adalah seperti berikut:

(i) Bantuan **maksimum** adalah sebanyak **RM10,000** bergantung kepada projek yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun peruntukan projek yang diluluskan akan ditentukan sepenuhnya oleh pihak Kementerian.

(ii) Kos latihan/kursus kemahiran asas projek berjumlah tidak melebihi RM1,500 seorang bertujuan memberi latihan/kursus kemahiran asas termasuk penggunaan peralatan berkaitan projek yang dilaksanakan. Latihan/Kursus kemahiran asas dan jenis kursus yang dirancang boleh dikendalikan oleh Agensi Pelaksana atau lain-lain badan bertauliah yang dilantik oleh Agensi Pelaksana.

(iii) Kos pembangunan boleh mengambil kira kos operasi projek sehingga tamat tempoh pembangunan (*development period*) bagi projek ekonomi yang berskala besar/ berkelompok setelah mendapat persetujuan bertulis daripada pihak Kementerian.

4.3 Agensi Pelaksana yang diluluskan caj khidmat pengurusan dan menjalankan kerja-kerja pemantauan projek boleh mengenakan caj khidmat pengurusan tidak melebihi 10% daripada kos projek. Caj khidmat pengurusan ini perlu mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian.

4.4 Peserta digalakkan untuk menjalankan projek secara berkelompok bagi meningkatkan keberkesanan serta menampung keperluan kos projek yang tinggi.

4.5 Aset/ Premis/ Mesin/ Peralatan bantuan menjadi tanggungjawab peserta. Bagi kes-kes tertentu, Agensi Pelaksana/Kementerian berhak untuk menarik balik peralatan yang tidak digunakan dan boleh dipertimbangkan untuk peserta baharu yang layak.

4.6 Bantuan diberikan dalam pelbagai bentuk termasuk aset/ premis/ ruang niaga/ mesin/ peralatan bantuan perniagaan/ bahan mentah (tidak melebihi 10% daripada peruntukan dimohon), latihan/ kursus kemahiran asas, bimbingan serta kos perkhidmatan pengurusan yang disampaikan melalui Agensi Pelaksana.

4.7 Peralatan yang diberikan tidak boleh dijual/ disewa atau dipindah milik kepada orang lain dalam tempoh program.

5. MEKANISME PELAKSANAAN

5.1 PPP dilaksanakan oleh Agensi-agensi Kementerian, Pejabat- pejabat Daerah serta Agensi-agensi rangkaian lain yang dilantik oleh KKDW.

5.2 Agensi Pelaksana utama adalah agensi-agensi dan anak-anak syarikat agensi di bawah Kementerian seperti KETENGAH, KEJORA, KEDA, KESEDAR, GIATMARA, FELCRA Training and Consultancy (FTC), MARA Execellent Venture (MEX), Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dan KEMAS.


5.3 Kementerian boleh mempertimbangkan untuk melantik Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Perusahaan Sosial (SE) yang aktif dan berpengalaman sebagai pelaksana dalam kes-kes tertentu.

5.4 Kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian lain dalam melaksanakan PPP khususnya dalam penggunaan fasiliti, latihan dan lain-lain kepakaran daripada pelbagai Agensi.

5.5 Kementerian berfungsi sebagai penyelaras utama daripada segi penggubalan dasar dan strategi pelaksanaan serta membuat perancangan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian impak projek di peringkat persekutuan.

5.6 Permohonan daripada anak-anak syarikat agensi Kementerian perlu melalui BKR terlebih dahulu, manakala permohonan dari Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) yang telah disiasat boleh dibawa terus ke Mesyurat *Pre-Council* JPPK.

5.7 Mekanisme pelaksanaan PPP adalah seperti di Rajah 1:



Rajah 1 : Carta alir mekanisme pelaksanaan PPP

6. KAEDAH PELAKSANAAN

6.1 Agensi Pelaksana bertanggungjawab untuk memohon, mengurus, melaksanakan perolehan, memantau dan mengemukakan laporan kemajuan pelaksanaan projek.

6.2 Agensi Pelaksana perlu memastikan proses perolehan mematuhi peraturan-peraturan tatacara perolehan yang sedang berkuat kuasa.

6.3 Borang permohonan/ kertas cadangan projek perlu dikemukakan secepat mungkin kepada Kementerian oleh pemohon atau Agensi Pelaksana untuk pertimbangan dan kelulusan projek pada tahun semasa.

6.4 Penyelarasan dan penyenaraian nama peserta serta maklumat lengkap hendaklah dibuat oleh Agensi Pelaksana seperti di **'LAMPIRAN 1'**.

6.5 Projek ekonomi PPP yang dicadangkan perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

(i) Menepati skop projek, kumpulan sasar dan kadar bantuan yang telah ditetapkan; serta

(ii) Berdaya maju (*viable*) iaitu boleh memberi peningkatan pendapatan kepada peserta dan berdaya tahan (*sustainable*) serta mempunyai prospek pasaran untuk berkembang bagi maksud dikomersilkan.

6.6 Projek boleh dilaksanakan secara individu, berkelompok atau diuruskan oleh pelaksana yang dilantik.

6.7 Projek perlu mendapat bimbingan/ nasihat dan penyeliaan daripada Agensi Pelaksana dari aspek- aspek seperti latihan/kursus, pemilihan lokasi premis, perancangan aktiviti, belanjawan, pelaksanaan, kualiti dan pemasaran produk/ perkhidmatan.

6.8 Pelaksanaan projek yang melibatkan peserta secara langsung/ sebagai pengusaha akan diberi keutamaan oleh pihak Kementerian iaitu ke arah usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan

kepada golongan Miskin Tegar, Miskin/B40.

6.9 Proses pertimbangan dan kelulusan projek ekonomi PPP di peringkat Kementerian adalah:

(i) Permohonan yang diterima akan diangkat untuk tapisan ke Mesyuarat *Pre-Council* Jawatankuasa Perakuan, Penilaian dan Kelulusan PPP (JPPK-PPP);

(ii) Permohonan yang telah ditapis akan dibawa ke Mesyuarat JPPK PPP untuk bertimbangan dan kelulusan; dan

(iii) Projek berskala besar/ berkelompok (melebihi RM500,000) memerlukan kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pegawai Pengawal setelah diperakukan oleh JKP- Agensi Pelaksana PPP seperti di **'LAMPIRAN 2'**.

6.10 Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada Agensi Pelaksana / Pembayar yang dilantik untuk projek yang berkaitan.

6.11 Setiap tindakan yang melibatkan hal ehwal kewangan seperti proses tender, sebut harga, pembelian terus atau tuntutan pembayaran perlu mengguna pakai Peraturan dan Tatacara Kewangan semasa Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Projek Berskala Besar/ Berkelompok (Melebihi RM500,000)

6.12 Perancangan perlu dimaklumkan oleh Agensi Pelaksana khususnya bagi projek berskala besar/ berkelompok dalam menentukan tarikh mula dan jangka masa pelaksanaan projek termasuk jangkaan tarikh perolehan mesin peralatan, membina/ mendapatkan premis, memasarkan produk dan sebagainya.

6.13 Agensi Pelaksana yang terpilih dibenarkan melantik Anak Syarikat/ agensi pengendali/ pengurus projek untuk mengendalikan projek yang diluluskan mengikut kaedah dan peraturan kewangan semasa Kerajaan.

6.14 Perjanjian perlu dimeterai di antara Agensi Pelaksana dengan Anak

Syarikat/ Agensi Pengendali/ PengurusProjek yang dilantik iaitu:

(i) Bagi menentukan peranan dan tanggungjawab masing-masing; serta

(ii) Memperincikan cadangan dan perancangan projek untuk tujuan rekod.

7. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

7.1 Agensi Pelaksana perlu memastikan peserta membuat deklarasi kendiri bagi:

(i) mengesahkan penerimaan bantuan peralatan PPP yang dibekalkan dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi; dan

(ii) melaporkan pendapatan setiap 6 bulan dalam tempoh pemantauan.

7.2 Agensi Pelaksana perlu melaporkan kemajuan fizikal dan kewangan projek ke BKR setelah peruntukan projek diterima. Laporan ini hendaklah dikemukakan pada setiap 2 bulan dalam tempoh pelaksanaan program. Agensi Pelaksana perlu memastikan para peserta perlu memperolehi sekurang-kurangnya 30% peningkatan pendapatan daripada pendapatan asal dalam tempoh pemantauan selama 12 bulan.

7.3 Sekiranya terdapat sebarang isu atau masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan projek, Agensi Pelaksana perlu melaporkan segera ke Kementerian ini untuk tindakan selanjutnya.

7.4 BKR atau wakil yang dilantik oleh pihak Kementerian boleh melakukan lawatan penyeliaan ke atas peserta secara berkala/ mengejut (*adhoc*) untuk memastikan pelaksanaan program berjalan mengikut jadual serta syarat yang ditetapkan.

7.5 Sebarang perubahan berkaitan pelaksanaan program yang telah diluluskan perlu mematuhi syarat seperti berikut:

(i) Agensi Pelaksana dikehendaki melaporkan kepada Kementerian sekiranya terdapat sebarang perubahan bilangan peserta,

operasi, skop, kos atau belanjawan projek bagi tujuan kelulusan.

(ii) Agensi Pelaksana perlu menggantikan peserta asal atau menarik balik peralatan bantuan sekiranya projek mempunyai masalah seperti peserta asal telah berpindah negeri, meninggal dunia, tidak berminat lagi, tidak dapat dikesan atau hilang kelayakan dalam tempoh pemantauan. Penggantian peserta program perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian.

(iii) Peserta baru yang digantikan mengikut syarat yang ditetapkan secara automatik akan bertanggungjawab ke atas aset/ premis/ mesin/ peralatan bantuan.

7.6 Kajian impak boleh dilaksanakan BKR dengan bantuan Agensi Pelaksana bagi memastikan keberhasilan PPP selepas peralatan diserahkan.

8. PENILAIAN PROJEK

8.1 BKR perlu menjalankan kajian penilaian *outcome* berasaskan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012: Tatacara Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome, Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

9. DASAR PEMISAH (*EXIT POLICY*)

9.1 Peserta akan dipantau oleh Agensi Pelaksana selama 12 bulan selepas penyerahan peralatan dan tidak lagi terikat dengan program setelah tamat tempoh tersebut.

9.2 Pelaksana Program PPP Mentor-Mentee perlu membuat pemantauan selama 12 bulan selepas tarikh kursus dan laporan tersebut perlu diserahkan kepada agensi pelaksana sebelum dipertimbangkan untuk permohonan baru.

10. PEMAKAIAN DAN TARIKH BERKUAT KUASA

10.1 Pemakaian Tatacara PPP ini berkuat kuasa bermula **1 April 2025**. Oleh yang demikian, Garis Panduan Program Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Tahun 2019 adalah **DIBATALKAN**.

10.2 Selain daripada syarat-syarat yang dinyatakan di atas Kementerian berhak untuk meletakkan syarat-syarat tambahan sekiranya perlu.

11. PENGECUALIAN

Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam tatacara ini hendaklah dirujuk kepada BKR bagi mendapat pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal Kementerian.

12. PENUTUP

Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program, sila hubungi:

Bahagian Kesejahteraan Rakyat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 18, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
Tel: 03-8891 5640/5663/5660
No. Faks: 03-8881 0264